

Majlis Rundingan
Kebangsaan
Mengenai

Jaminan Makanan di Malaysia



Julai 24 - 26, 1998

Kuala Lumpur
Malaysia



Anjuran:



ERA CONSUMER MALAYSIA
[Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan
untuk Pengguna, Malaysia]

Disunting oleh: **T. Indrani**

T. Indrani adalah Setiausaha Agung bagi ERA Consumer. Beliau mempunyai pengalaman perundangan dan pengalaman yang luas dalam mengendalikan isu-isu yang berkaitan dengan pengguna seperti pemakanan dan pertanian yang berkaitan dengan perdagangan liberisasi.

Majlis Rundingan Kebangsaan Mengenai Jaminan Makanan di Malaysia

Julai 24 - 26, 1998

*Hotel Furama, Kompleks Selangor,
Jalan Sultan, Kuala Lumpur*

Kandungan

Prakata	1
Aturcara Majlis	3
Makanan untuk Semua: Memenuhi Keperluan Asasi Manusia	5
Kertas Perbincangan	9
Isu-isu yang berkaitan dengan makanan dan pertanian yang terkandung dalam Pelan Rancangan-Rancangan Malaysia	18
Bengkel : Sessi Soal Jawab	20
Langkah yang diperlukan untuk pengawalan makanan	22
Laporan dari Vietnam	24
Laporan dari India	27
Laporan dari Cuba	30
Bengkel : Rancangan Tindakan	32
Isu-isu yang berkaitan dengan makanan dan pertanian yang terkandung dalam Pelan Rancangan Malaysia 1-7	33
Deklarasi Rome dalam Seminar Makanan Sedunia	37
Pelan Tindakan	41



ERA CONSUMER MALAYSIA

[Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna, Malaysia]

ERA CONSUMER adalah sebuah organisasi sukarela demokratik bukan bersifat politik dan tidak mendapat keuntungan. ERA memberi tumpuan kepada isu-isu yang merangkumi jaminan makanan, hak asasi manusia, alam sekitar, hak-hak pengguna serta hak wanita untuk membina suatu masyarakat yang adil dan saksama.

Prakata

Jaminan makanan merupakan suatu isu yang perlu diambil perhatian terutamanya bagi negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Jaminan makanan harus memastikan bekalan makanan mencukupi untuk memenuhi keperluan populasi sesebuah negara. Keadaan ini telah menjadi satu isu penting disebabkan oleh kenaikan harga makanan, kadar import makanan yang meningkat serta banyak tanah pertanian terbiar yang tidak diusahakan.

Negara-negara yang menitikberatkan perindustrian telah mengurangkan peranan mereka dalam membangunkan sektor pertanian. Banyak rancangan pembangunan telah diperkenalkan untuk membantu membangunkan sektor perindustrian. Ini telah menyebabkan penurunan dalam pengeluaran tanaman makanan dan peningkatan dalam pengimportan makanan. Sektor pertanian telah menyumbang 22.9% dalam GDP pada tahun 1980 tetapi telah menurun ke 14.9% pada 1994. Pada awal tahun 1997, pengimportan makanan telah meningkat ke 1.85 billion ton. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh keupayaan sendiri (self-sufficiency) yang rendah. Malaysia banyak bergantung kepada pengimportan makanan, terutamanya sayur-sayuran seperti tomato, cili, bawang, halia dan ubi kentang.

Peningkatan pengimportan makanan telah menyebabkan pengaliran wang keluar dari negara dan ini adalah tidak baik memandangkan negara kita sedang menghadapi krisis ekonomi. Semasa persidangan Food and Agriculture Organisation (FAO) di Canada pada tahun 1996, diramalkan beberapa negara seperti Afrika dan Asia akan mengalami krisis makanan pada masa akan datang. Isu-isu sebegini haruslah diberi perhatian pada permulaan kerana Malaysia mungkin menjadi mangsa krisis ini.

Jaminan makanan patut diberikan keutamaan dalam perancangan untuk membangunkan negara. Sektor pertanian harus dibangunkan untuk memastikan pengeluaran bekalan makanan mencukupi serta selamat dihidangkan. Penekanan harus diberikan untuk mengurangkan pengimportan, meningkatkan keupayaan sendiri, memaksimumkan penggunaan tanah, mempelbagaikan pengeluaran makanan, penggunaan kaedah pertanian yang selamat dan pengawalan harga makanan.

Dengan adanya pemikiran sebegini, ERA Consumer telah membuat keputusan untuk memainkan peranan dalam memastikan jaminan makanan di Malaysia. Kajian telah dijalankan dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan jaminan makanan. Sehubungan dengan itu, ERA Consumer telah menganjurkan Majlis Perundingan Kebangsaan Mengenai Jaminan Makanan di Malaysia pada 25hb dan 26hb Julai 1998 di Kuala Lumpur. Majlis perundingan ini telah dihadiri peserta-peserta dari pelbagai latar belakang seperti petani, badan bukan kerajaan dan agensi kerajaan. ERA Consumer akan terus menganjurkan persidangan mengenai jaminan makanan pada peringkat nasional selaras dengan usaha untuk mendapatkan data dan memberikan pandangan berdasarkan maklumbalas dari masyarakat tempatan.

ERA berharap pihak kerajaan dan masyarakat tempatan dapat menitikberatkan isu-isu berkaitan jaminan makanan di negara ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Marimuthu', written over a horizontal line.

Marimuthu Nadason
Presiden

ATURCARA MAJLIS :

24hb Julai 1998

- 5.00pm – 7.00pm Pendaftaran peserta
- 7.00pm - 8.30pm MAKAN MALAM
- 8.30pm Pengenalan Program/ Peserta/ Harapan Majlis
Encik Marimuthu Nadason, Presiden ERA

25hb Julai 1998

- 8.00am – 9.00am SARAPAN PAGI
- 9.00am – 9.45am Penerangan mengenai Jaminan Makanan di Rantau Asia Tenggara:
Puan Sarojeni Rengam,
Pengarah Eksekutif PAN- Rantau Asia Pasifik
- 9.45am – 10.30am Jaminan Makanan Dan Pengguna:
Puan Josie Fernandez
Pengarah, Consumer International Rantau Asia Pasifik
- 10.30am – 10.45am MINUM PAGI
- 10.45am – 11.30am Perbincangan Mengenai isu-isu penting berkaitan dengan
Perumahan dan Pertanian yang terkandung dalam Rancangan
Malaysia Pertama sehingga ke-7:
Pengerusi: Cik Rachel Samuel
Setiausaha ERA Consumer
- 11.30am – 1.00pm Perkongsian Pengalaman:-
- Petani-petani
 - Penternak
 - Pertubuhan Perikanan
 - Persatuan Pemborong

25hb Julai 1998

- 1.15pm–2.30pm MAKAN TENGAHARI
- 2.30pm–4.00pm Kerja Kumpulan:
Pengerusi: Puan Sarojeni Rengam
Pengarah Eksekutif PAN – Rantau Asia Pasifik
- 4.00pm–4.15pm MINUM PETANG
- 4.15pm–5.15pm Laporan Kerja Kumpulan
- 5.15pm–6.30pm Perbincangan:
Pengerusi: Dr Sanusi Osman
1. Rangkaian Pengedaran
 2. Peranan Polisi Kerajaan
 3. Pengeluaran
 4. Kegunaan Tanah Terbiar
 5. Sumber Kewangan
 6. Mekanisma Perdagangan Berbagai Rangkai (WTO, APEC)
- 8.00pm MAKAN MALAM

26hb Julai 1998

- 8.00am–9.00am SARAPAN PAGI
- 9.00am–10.30am Perkongsian Pengalaman:
● Vietnam : En. Tran Hong Truong (VACVINA)
● India : Mr. Govindan
● Cuba : PAN-AP
- 10.30am–10.45am MINUM PAGI
- 10.45am–11.00am Rumusan dan pengenalan kepada Plan Tindakan
Pengerusi: Sarojeni Rengam
- 11.00am–1.00pm Bengkel - Plan Tindakan
Pengerusi: Sarojeni Rengam
- 1.00pm–2.00pm MAKAN TENGAHARI
- 2.00pm–3.00pm Pembentangan
- 3.00pm–3.30pm MINUM PETANG
- 3.30pm–4.30pm Kesimpulan : Cadangan dan komen
Pengerusi: Marimuthu Nadason dan Sarojeni Rengam

Pengenalan

MAKANAN UNTUK SEMUA! MEMENUHI KEPERLUAN ASASI MANUSIA

Oleh Sarojeni V. Rengam

Pada tahun 1996 Deklarasi Rom yang berkenaan dengan Jaminan Makanan Sedunia telah diperakui oleh ketua-ketua negara dan kerajaan. Ia menegaskan bahawa setiap individu mempunyai hak untuk memperolehi makanan yang selamat dan berkhasiat. Ini adalah selaras dengan hak memperolehi makanan yang mencukupi dan bebas daripada kelaparan. Adakah visi ini hanya angan-angan atau suatu kenyataan? Secara realiti, 800 juta orang menderita kerana kebuluran dan lebih 500 juta adalah dari kawasan Asia-Pasifik, visi ini nampaknya hanya mimpi dan bukan seperti yang dirancang. Statistik Malaysia menunjukkan 1.3 juta penduduk Malaysia menghadapi masalah kurang khasiat serta 20% bayi dilahirkan adalah kurang berat. Ini menunjukkan negara kita tidak terlepas daripada bayangan kebuluran. Tetapi secara nyata, pengeluaran makanan adalah mencukupi untuk menampung keperluan makanan sedunia. Persoalannya mengapa terlalu ramai orang yang kebuluran setiap hari?

Di kemuncak Persidangan Makanan Sedunia, Fidel Castro menegaskan “kebuluran adalah hasil daripada ketidakadilan dan ketidaksempurnaan dalam pembahagian kekayaan dunia”. Ini adalah benar kerana dalam kebuluran ia sering dikaitkan dengan sejarah ketidakadilan sosial dan sistem ekonomi. Akibatnya masyarakat miskin disisihkan dan dihalang daripada mencari rezeki. Penyelesaian yang dicadangkan di Kemuncak Persidangan Makanan Sedunia secara umumnya adalah:

“Kita akan berjuang untuk memastikan perdagangan bahan pertanian dan polisi perdagangan supaya dapat menggalakkan jaminan makanan untuk semua melalui sistem perdagangan antarabangsa berorientasikan pasaran yang adil.”

Terdapat dua masalah bagi kenyataan ini. Pertama sistem pengeluaran dan pengagihan berorientasi pasaran tidak mempunyai sebarang catatan dalam membekalkan makanan kepada orang ramai. Ia juga tidak menyentuh struktur asas kepada kemiskinan yang menyebabkan suku daripada populasi dunia kebuluran setiap hari. Kedua, sementara sistem tersebut disahkan oleh negara-negara sebelah utara dan dicadangkan untuk negara-negara sebelah selatan, secara praktiknya prinsip ini tidak digunakan untuk membentuk polisi pertanian. Industri pertanian di utara sebahagian besarnya adalah mendapat bantuan subsidi. Sebagai contoh, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (European Union) membelanjakan US\$15.7 bilion dalam tahun 1995 untuk subsidi pengeluaran gandum dan jagung. Jumlah ini jauh lebih besar melebihi bantuan yang terdapat untuk para petani di Asia. Subsidi purata untuk seorang petani di Amerika Syarikat untuk mengeluarkan gandum adalah 25 kali ganda lebih

tinggi daripada purata keseluruhan pendapatan per kapita di 42 negara yang dikelaskan sebagai berpendapatan rendah.

Perjanjian GATT/WTO tidak akan mengubah sistem subsidi ini kerana ia telah termaktub oleh Amerika Syarikat dan Persekutuan Eropah supaya terus memberikan subsidi demi meningkatkan (dumping) keluaran di pasaran dunia. Ini akan merendahkan harga barangan.



Sebagai contoh kategori perdagangan pertanian yang terbesar adalah bijirin. Ia menyumbangkan sebanyak US\$20 bilion setiap tahun. Antara Amerika Syarikat dan Persekutuan Eropah, ia merupakan separuh daripada keseluruhan eksport gandum dan tepung gandum. Amerika Syarikat mengeluarkan tiga suku eksport jagung. Oleh sebab ini Amerika Syarikat dan Persekutuan Eropah mendominasi harga bijirin dunia, dan menetapkan harga bijirin di pasaran dunia. Ini menyebabkan petani-petani di negara pengimport perlu bersaing dengan harga yang ditetapkan yang kerap kali adalah lebih murah daripada kos mereka. Pada masa yang sama, perjanjian ini memaksa negara lain membuka pasaran makanan mereka. Terutamanya untuk mengurangkan sekatan import dan membenarkan makanan yang murah dan hasil barangan (yang sebahagian besar diberikan bantuan subsidi dan sistem pertanian berindustri tinggi) membanjiri pasaran. Ini seterusnya memaksa para petani di negara-negara dunia ke-3 mengalami kerugian dalam persaingan tersebut. Selain itu melalui Program Penstrukturan semula (Structural Adjustment Programme – SAP) dan kaedah pengubahsuaian struktur baru yang diamalkan oleh Bank Dunia dan Tabung Kewangan Dunia (IMF) untuk Asia timur, kita diarahkan menarik semula subsidi kepada para petani. Bagaimanakah petani kita dengan tanah seluas 1-2 hektar dapat bersaing dengan ladang yang dikendalikan dengan teknologi canggih dan subsidi yang tinggi? Kebanyakan negara di selatan, para petani didapati sukar untuk memberikan saingan. Ini akan menyebabkan kemusnahan sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Adalah diramalkan bahawa 3 juta keluarga petani di Mexico akan dipaksa meninggalkan tanah mereka akibat daripada perjanjian yang ditandatangani antara Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico, yang dikenali sebagai NAFTA. Di Filipina, lebih kurang 15 000 keluarga petani kehilangan tanah mereka setiap tahun.

Selain daripada itu, satu perkembangan yang membimbangkan telah wujud, ia dipanggil Pertanian korporat!

Pertanian Korporat

Apakah pertanian korporat? Ia bermaksud syarikat-syarikat gergasi akan menceburi bidang pertanian di beberapa buah negara. Secara tidak langsung perdagangan makanan dunia tertumpu di bawah kawalan beberapa syarikat antarabangsa. Cargill, sebuah syarikat dari Amerika Syarikat mengawal 77% perdagangan bijirin dunia. Kira-kira 5 buah syarikat transnasional mengawal 90% eksport untuk gandum, jagung, kopi, teh, nenas, kapas, tembakau, jut dan hasil keluaran hutan.

Baru-baru ini, Cargill dan Monsanto Roundup, mengumumkan bahawa mereka akan membentuk perkongsian sama rata di peringkat antarabangsa untuk membentuk pasaran baru bagi memproses bijirin dan bahan makanan haiwan ternakan. Pada 1 Jun 1998, Monsanto bergabung dengan sebuah syarikat lain iaitu American Home Products. Pergabungan ini menjadikan Monsanto pengeluar terbesar bahan kimia pertanian dengan hasil jualan sebanyak 5.24 bilion dan akan menewaskan Norvartis yang juga merupakan gabungan antara Ciba-Geigy dan Sandoz.

Gabungan Cargill dan Monsanto ini memberikan kawalan yang amat besar terhadap urusniaga benih seluruh dunia dan juga kemudahan pengangkutan. Syarikat gergasi seperti ini terlalu berkuasa sehingga mereka dapat mempengaruhi polisi kerajaan negara Asia.

Satu lagi teknologi baru yang menjadi isu perdebatan dan menimbulkan kebimbangan adalah Teknologi Pemusnah (Terminator Technology). Teknologi ini dicipta untuk menghalang para petani daripada menyimpan benih yang telah diubahsuai oleh syarikat benih. Teknologi ini akan menyebabkan benih kehilangan kemampuan untuk bercambah ataupun dimandulkan. Pelbagai jenis tanaman seperti gandum dan padi didebungakan secara terbuka (open pollination) dan ia adalah makanan asas kebanyakan penduduk dunia. Mungkin kita boleh katakan bahawa syarikat benih ingin memastikan keuntungan bagi pelaburan mereka. Tetapi benih baru ini hanya diubahsuai daripada benih lama yang selama ini telah ditanam secara tradisional oleh para petani. Teknologi ini memastikan petani tidak boleh menyimpan benih untuk musim seterusnya tetapi akan membeli benih dari syarikat benih setiap musim. Ini menyebabkan para petani akan bergantung kepada syarikat tersebut. Selain itu, beberapa orang ahli biologi molekular berasa bimbang tentang kemungkinan fungsi pemusnah tersebut akan terlepas daripada gen tumbuhan tersebut ke dalam gen tumbuhan bukan sasaran. Ia kemudiannya mungkin akan bergabung dan membiak di dalam kawasan persekitaran di mana proses pendebungan terbuka berlaku. Ini bermakna, 'jangkitan' ini akan merebak di kawasan tumbuhan makanan atau di kawasan persekitaran semulajadi dan menyebabkan kemusnahan. Jangkitan secara perlahan-lahan proses pemandulan ini berpotensi untuk menghapuskan semua makhluk hidup termasuk manusia.

Monsanto memiliki 85% Teknologi Pemusnah!

Mengapa saya menumpukan kepada Monsanto, Cargill dan Teknologi Pemusnah? Ini adalah kerana ia adalah contoh utama bagaimana syarikat mengawal sistem makanan kita daripada pengeluaran hingga ke peringkat pengagihan dan ini dilakukan atas dasar keuntungan. Keuntungan bagi sesebuah syarikat adalah penting dan saya tidak menentang hasrat tersebut. Tetapi apa yang membimbangkan adalah perkembangan terbaru dimana syarikat gergasi memonopoli dan mengawal sistem makanan, sedangkan makanan adalah asas kepada kesinambungan hidup.

Selain itu, terdapat kes dimana beberapa syarikat gergasi dan kerajaan negara-negara utara merampas sumber genetik kita. Sebagai contoh, padi Basmati di India dan Pakistan, juga padi wangi di Thailand yang telah dirampas dari negara mereka.

Syarikat gergasi di Amerika Syarikat iaitu Rice Tec telah memohon untuk mendapatkan hak milik (patent) ke atas padi-padi tersebut yang mana serba sedikit telah diubahsuai, dan ini seterusnya akan menyebabkan syarikat tersebut dapat mengawal pasaran padi ini. Contoh lain adalah kisah tentang 'cow pea' dari India dimana dua syarikat dari Australia cuba mendapatkan hak milik (patent). Semua hak milik (patent) ini telah ditentang oleh badan bukan kerajaan (NGOs) dan kerajaan juga. Oleh itu kita di Asia menentang tindakan 'biopiracy' iaitu merampas sumber genetik negara lain.

Ketiadaan kawalan atas makanan dan kebuluran adalah topik penting

Krisis ekonomi di Asia timur telah menyebabkan masalah yang besar. Nilai Ringgit Malaysia jatuh sebanyak 40% dan mengalami turun naik yang teruk. Malah tahun lepas negara kita telah mengalami defisit import makanan sebanyak RM 4.71 bilion. 48% daripada defisit tersebut adalah bijirin, 16% gula dan selebihnya adalah susu, bahan makanan ternakan dan sayuran. Tahun lepas eksport makanan bernilai RM 5.3 bilion berbanding dengan RM 10 bilion import. RM 1.42 bilion pula adalah import bahan kimia bagi pertanian. Kebanyakan makanan import adalah dari Australia, Thailand, Amerika Syarikat dan New Zealand. Corak import bagi tahun 1990-1997 menunjukkan bahawa import dari Amerika Syarikat menunjukkan peningkatan pada kadar 21.1% setiap tahun akibat daripada peningkatan dalam penggunaan dan permintaan untuk bahan-bahan ternakan.

Disebabkan oleh kejatuhan nilai ringgit, harga makanan berkisar antara 40%-60% dan kita dinasihatkan supaya mula menanam sayur-sayuran di sekitar rumah. Sebagai contoh harga ayam agak tinggi ketika ini kerana kita mengimport kebanyakan makanan ayam dari Amerika Syarikat yang merupakan pembekal terbesar di dunia. Amerika Syarikat juga menggunakan produknya yang murah kerana mendapat subsidi tinggi untuk eksport dan membentuk pasaran. Peningkatan harga bermakna daging ayam yang merupakan makanan yang utama untuk rakyat Malaysia, tidak lagi mampu diperolehi oleh golongan yang berpendapatan rendah di negara ini.

Pengajaran daripada krisis ekonomi ini adalah kita tidak boleh hanya bergantung kepada import untuk bahan makanan kita. Selain itu kita juga mendapat pengajaran bahawa perindustrian pertanian tidak akan berjaya. Pertama adalah kerana jumlah racun serangga yang digunakan bertambah serentak dengan peningkatan daya tahan serangga (pest resistance). Selain itu serangga yang berguna kepada petani juga turut terbunuh. Kedua, krisis ekonomi menyebabkan harga bahan kimia pertanian meningkat termasuk racun serangga meningkat 50%-100%. Ketiga, racun juga membahayakan alam sekitar dan juga kesihatan para petani dan pengguna.

Kawalan terhadap makanan sepatutnya adalah asas dan keutamaan bagi setiap negara. Kita tidak boleh mempertahankan makanan dengan spekulasi pasaran.

Kawalan terhadap makanan memerlukan kita menghalang liberalisasi pasaran bagi pertanian dan usaha membentuk polisi kebangsaan untuk jaminan makanan di samping menggalakkan pertanian ekologi atau organik (sustainable).

Dan juga memastikan kawalan awam yang lebih tinggi ke atas pertanian dan pengagihannya. Di samping itu, memastikan makanan untuk semua rakyat Malaysia.

Kami mulakan dengan ucapan Fidel Castro di Persidangan Kemuncak Dunia Tentang Makanan dan menutup ucapan dengan Cuba untuk memahami apa yang berlaku di negara kecil ini.

Cuba adalah negara yang mengagumkan. Ketika ini, Cuba telah cuba untuk mengubah corak pertanian organik yang tidak pernah dicuba oleh negara-negara lain. Setelah kejatuhan perdagangan blok sosialis pada awal tahun 1990-an, import racun serangga, baja kimia, petroleum dan makanan haiwan ternakan jatuh melebihi 50% begitu juga dengan import makanan. Cuba merupakan negara yang menggunakan kalori paling tinggi di Amerika Latin dan menghadapi kebuluran pada masa tersebut. Secara tiba-tiba sistem perindustrian berteknologi tinggi menghadapi dua cabaran serentak. Keperluan untuk meningkatkan keluaran makanan dua kali ganda dengan separuh input iaitu racun dan baja kimia, dan pada masa yang sama perlu mengekalkan eksport bagi mengelakkan kedudukan tukaran asing semakin teruk.

Para penyelidik Cuba dan petani berusaha menggantikan corak pertanian dahulu yang terlalu bergantung kepada bahan import seperti mesin, bahan kimia pertanian dan makanan dengan pengawalan secara biologi serangga. Kini, peningkatan hasil dapat dilihat dengan kaedah penggunaan haiwan sebagai pengganti mesin, pusingan tanaman (crop rotation), polikultur, penjagaan tanah (soil conservation), membaik pulih tanah organik, kawalan biologi serangga dan perkembangan drastik sektor pertanian organik dalam bandar.

Negara tersebut sedang pulih dari krisis. Kita mampu menuju kepada pertanian organik di seluruh negara kerana ia dapat mengubah haluan sumber pengeluaran untuk makanan dan

pertanian diberikan keutamaan; kemampuan kerajaan untuk melaksanakan rancangan jangka panjang untuk membina sumber manusia dan kemampuan saintifik; tahap kerjasama yang tinggi rakyat Cuba untuk mengatasi kejatuhan import makanan yang drastik.

Seorang pekerja pejabat, yang telah berhenti dan kembali menjadi petani berkata’ “kami terpaksa berusaha menanam dan menghasilkan makanan untuk diri kami, keluarga dan juga jiran-jiran. Kami telah bangkit menyahut cabaran semasa krisis”.

Walaupun bagaimanapun, perjalanan untuk mengatasi masalah kekurangan makanan masih jauh dan diburukkan lagi dengan embargo oleh Amerika Syarikat terhadap Cuba. Tetapi apa yang rakyat Cuba capai adalah sesuatu yang sangat menakjubkan. Perdana Menteri kita, Dr Mahathir Mohammed pada tahun lepas melawat Cuba dan banyak perkara kita dapat pelajari dari contoh mereka. Mereka menunjukkan bahawa pertanian ekologi atau organic boleh dilaksanakan di seluruh negara dan asas kepada hak untuk makanan boleh dicapai melalui polisi kebangsaan serta sokongan kepada kawalan terhadap makanan.

Dalam krisis ekonomi yang kita alami di Malaysia, Cuba merupakan satu negara yang kita boleh contohi.

KERTAS PERBINCANGAN

DARI CONSUMER INTERNATIONAL

PEJABAT ASIA DAN PASIFIK (CI – ROAP)

Jaminan makanan dan pengguna : satu imbasan tentang isu

- Pengeluaran makanan di dunia ini adalah mencukupi untuk semua orang, namun setiap hari berjuta-juta orang masih berada dalam kebuluran. Organisasi Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu (PBB) telah menganggarkan bahawa masih terdapat kira-kira 800 juta penduduk di seluruh dunia ini mengalami masalah kekurangan zat makanan. Jadi, apakah masalahnya?

Pakar-pakar menganggap ia sebagai masalah jaminan makanan. Jaminan makanan dikatakan berjaya apabila setiap orang mampu mendapatkan makanan yang selamat dan berkhasiat yang membawa kepada cara hidup yang sihat dan aktif. Kini, masalahnya bukanlah penduduk tidak berupaya mendapatkan makanan secara fizikal tetapi mereka tidak mampu untuk membeli makanan yang sedia ada.

- Pada tahun 1990, 37% daripada jumlah penduduk Afrika, 20% di Asia dan Pasifik dan 13% di Amerika Latin serta Caribbean mengalami masalah kekurangan zat makanan. Kebanyakan adalah penduduk di Asia.

Krisis Ekonomi dan kemiskinan

- Pada tahun 1997, krisis ekonomi yang berlaku di rantau Asia Timur telah memberikan kesan kepada aliran modal keluar bersih sebanyak US 109 billion (RM 446.9 billion) yang bersamaan dengan 11% Keluaran Negara Kasar (KNK) rantau ini. Golongan miskin telah menjadi mangsa utama dalam hal ini. Zaman kemakmuran telah meningkat ke satu tahap yang membimbangkan dan peningkatan kemiskinan berada ditahap amaran.
- Jumlah penduduk Indonesia yang berada di bawah garis kemiskinan tahun ini dijangka meningkat sebanyak 50% berbanding tahun 1996. Menurut Bank Dunia, kemiskinan mutlak boleh meningkat sehingga 20%. Baru-baru ini di Indonesia, Presiden telah menyeru kepada rakyatnya agar mereka berpuasa sebanyak dua kali seminggu, untuk menjimatkan 3 juta tan beras yang bersamaan dengan jumlah import beras tahun ini
- Keadaan yang sama juga dijangka berlaku di Thailand di mana kemiskinan mutlak meningkat sebanyak satu per tiga. Bank Dunia menganggarkan kira-kira 1.8 juta

penduduk akan menganggur pada tahun 1998.

- Di Filipina, kemiskinan mutlak dijangka meningkat sehingga 8.9% pada tahun 1998
- Di Malaysia, perangkaan rasmi menunjukkan bahawa seramai 35,000 orang pekerja telah kehilangan pekerjaan mereka sejak bulan Julai 1997 dan 42,000 orang lagi akan menganggur pada penghujung tahun. Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata, jumlah keluarga yang hidup di bawah garis kemiskinan (berpendapatan kurang dari US 100 setiap bulan) dijangkakan meningkat dari 100,000 kepada 400,000 orang menjelang hujung tahun, sementara itu, jumlah keluarga yang amat miskin (berpendapatan kurang dari US 50 setiap bulan) dijangka meningkat dari 17,000 kepada 70,000 pada hujung tahun. Menurut beliau lagi, kementerianya menjangka Kementerian Kewangan akan mengurangkan sebanyak 14% daripada jumlah peruntukan bagi belanjawan akan datang.
- Pertambahan kadar inflasi yang drastik telah memburukkan lagi keadaan kemiskinan, terutamanya akibat peningkatan harga makanan dan barangan keperluan lain yang tidak munasabah. Kadar purata Indeks Harga Pengguna (CPI) bagi bulan Januari hinggan Mei telah meningkat sehingga 114.5 mata iaitu pertambahan sebanyak 4.8% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Pertambahan ini adalah peningkatan index bagi semua kategori utama terutamanya makanan, sewa, bahan api dan tenaga. Kategori ini telah menyumbang kira-kira 80% daripada keseluruhan pertambahan yang dicatatkan di dalam CPI.

CPI bagi bulan Jun telah meningkat dari 6.2% kepada 116.3 mata berbanding 109.5 mata yang dicatatkan pada tempoh yang sama pada tahun 1997. Kesemua sub-kategori makanan mencatatkan peningkatan terutamanya gula, buah-buahan dan sayur-sayuran, ikan, kopi serta daging.

- Peningkatan dalam kadar pengangguran, gunatenaga tidak penuh dan kemiskinan, menggambarkan bahawa jumlah orang yang memerlukan perlindungan sosial bertambah dengan banyak. Namun, sistem perlindungan sosial di negara yang dilanda krisis ini secara relatifnya tidak dibangunkan. Penjagaan kesihatan khususnya, yang terjejas akibat krisis ini, telah mengakibatkan pertambahan dalam permintaan perkhidmatan awam, dan pengurangan dalam penggunaan rawatan dan ubat-ubatan yang mahal.
- Terdapat lapan hak asasi pengguna. Hak yang pertama adalah hak untuk mendapat keperluan asas termasuk makanan.

- Kebuluran dan keadaan kekurangan zat makanan yang melampau menjatuhkan martabat manusia: ia boleh melumpuhkan mereka yang muda dan ia mempunyai kesan yang mendalam kepada semua orang, menafikan kedudukan dan penglibatan mereka dalam masyarakat. Satu kajian mengenai data negara yang melibatkan 42 buah negara sedang membangun, menunjukkan bahawa terdapat satu hubungan yang rapat di antara pembolehubah sosio-ekonomi dan fenomena kanak-kanak kekurangan zat makanan.
- Wanita hamil, bayi dan kanak-kanak akan menjadi mangsa utama kekurangan makanan dan penjagaan kesihatan. Kadar kematian bayi, kanak-kanak dan ibu dijangka akan meningkat. Di setiap negara golongan miskin, wanita dan kanak-kanak merupakan golongan yang utama menderita akibat fenomena ini. (pihak kerajaan mungkin mahu mengkaji kemungkinan memperkenalkan program pemakanan di sekolah di kawasan luar bandar dan bandar di mana makanan yang berkhasiat dan seimbang diberikan setiap hari). Kesan jangka panjang krisis ini akan membawa kesan negatif terhadap pembangunan sumber manusia di masa depan yang amat diperlukan untuk pertumbuhan di negara ini.

- **Adakah kebuluran dapat dibasmi?**

Adalah dijangkakan bahawa jumlah penduduk dunia akan meningkat sebanyak 45% menjelang tahun 2025 dan akan terus bertambah pada dekad-dekad akan datang. Untuk memastikan keselamatan universal, pengeluaran makanan perlu dipertingkatkan agar ianya lebih daripada 75% menjelang hujung suku pertama abad akan datang. Justeru itu, perancangan intensif diperlukan untuk menjalankan penyelidikan, pelaburan dan penempatan tenaga manusia. Tinjauan terhadap negara berlandaskan pertanian menunjukkan bahawa langkah reformasi tanah tidak dilaksanakan sepenuhnya dan terdapat keperluan segera untuk mengorganisasikan semula pertanian.

Terdapat penyebaran kepercayaan di kalangan masyarakat antarabangsa bahawa jaminan pengawalan makanan boleh dicapai melalui polisi ekonomi dan aktiviti-aktiviti yang membenarkan para pengguna di negara sedang membangun untuk menanam secara persendirian kebanyakan makanan mereka. Tetapi keadaan seperti ini tidak kekal.

Perkara yang berlandaskan pembangunan manusia dan tidak bermotifkan keuntungan sahaja perlu dilaksanakan dengan tegas dan konsisten. Ini boleh dicapai melalui pelbagai polisi seperti polisi makanan kebangsaan yang menyeluruh dan yang meliputi beberapa bidang yang dibincang di bawah:

- **Pengeluaran dan penggunaan yang mampan membawa kepada penjimatan kewangan dan unsur persekitaran**

Disebabkan oleh kesan negatif yang dibawa oleh pertanian bercorak intensif dan berskala besar, banyak organisasi telah mula menumpukan perhatian terhadap alternatif yang kekal. Kaedah pertanian ini telah menggalakkan keadilan sosial dan mengambil pendekatan pembangunan *bottom-up*.

Semasa persidangan PBB mengenai persekitaran dan pembangunan di Rio de Janeiro pada tahun 1992, beratus-ratus badan bukan kerajaan telah mendraf dan menandatangani Perjanjian Pertanian mampan NGO yang menyatakan pertanian mampan merupakan model organisasi sosial dan ekonomi berdasarkan matlamat pembangunan yang seimbang. Aktiviti pertanian dikatakan lestari apabila sempurna dari segi ekologi dan berdikari dari segi ekonomi dan adil dari segi sosial, sesuai dari segi budaya dan berdasarkan pendekatan saintifik holistik. Pengamalan pertanian yang lestari meliputi pertanian organik, pertanian kecil-kecilan, sistem perhutanan-agro (yang melindungi ekosistem dan pada masa yang sama menghasilkan makanan), sistem akuatik dan pengurusan air yang bersepadu.

- **Sistem pengagihan makanan ; reformasi tanah, kredit**

Bekalan makanan negara yang mencukupi adalah selaras dengan sistem pemasaran dan pengagihan, polisi pembangunan luar bandar yang adil dan mustahak adalah peluang memperolehi pendapatan yang mencukupi bagi golongan miskin.

Pengagihan semula tanah sahaja tidak akan menjamin pengawalan makanan di kawasan luar bandar. Langkah ini harus wujud bersama kemudahan untuk mendapatkan bantuan pinjaman dan teknikal bagi golongan miskin di kawasan luar bandar.

Untuk memulihkan pengawalan makanan, program khas untuk golongan wanita perlu dirancang seperti yang telah dijalankan di Bangladesh. Perkhidmatan tambahan pertanian adalah perlu bagi memberi informasi, pendidikan dan peralatan kepada pekebun kecil. Maklumat mengenai pasaran adalah penting bagi pekebun kecil yang akan menjual hasil pertanian mereka ke pasaran bebas.

- **Lebih eksport, kurangkan makan**

Kebanyakan negara sedang membangun telah menggalakkan eksport hasil pertanian untuk memperolehi tukaran asing bagi menjelaskan hutang mereka yang bertimbun. Ini mengancam jaminan makanan tempatan. Pertanian yang dijalankan bagi tujuan eksport telah mengurangkan bilangan petani yang menjalankan pertanian untuk

keperluan tempatan. Dan pendapatan yang diperolehi daripada pertanian kontan adalah tidak tetap. Penuaian kopi secara besar-besaran sebagai contohnya telah mengakibatkan lebih hasil kopi di antarabangsa lalu menyebabkan kejatuhan harga. Secara langsung pekebun yang hanya menghasilkan kopi dan bukannya pertanian campur menerima kesan yang mendalam.

Harga-harga komoditi seperti kopi dan koko ditetapkan oleh negara seperti New York dan bukannya sini. Ia berada di luar kawalan petani tempatan. Contohnya, Afrika telah mengalami kesukaran kerana terlalu bergantung kepada pertanian eksport. Di antara tahun 1980 dan 1990, harga antarabangsa bagi dua eksport utama Afrika iaitu koko dan kopi telah jatuh sehingga 70%.

Negara-negara yang terus bergantung kepada eksport pertanian akan mengalami kesukaran di masa hadapan. Bahan tiruan sedang dihasilkan sebagai gantian bagi kebanyakan pertanian eksport yang boleh menyebabkan kejatuhan harga yang besar. Sebagai contohnya, kilang-kilang di negara yang sedang membangun akan menghasilkan vanila, yang boleh menurunkan harga eksport pertanian utama Madagaskar. Harga juga turun naik disebabkan oleh satu lagi faktor yang membimbangkan. Perdagangan pertanian kontan didominasi oleh syarikat transnasional yang berkuasa. Hanya 20 syarikat transnasional yang memadai untuk mengawal kebanyakan perdagangan pertanian dunia. Mereka memanipulasi pasaran yang merupakan tempat pergantungan kebanyakan petani.

Walaupun banyak tanah telah diperuntukkan untuk pertanian kontan, bilangan mereka yang menghasilkan makanan untuk penggunaan tempatan semakin berkurangan. Kerajaan harus meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan juga taraf hidup petani.

- **Perdagangan bebas : khayalan dan realiti**

Satu perkara yang diberi tumpuan utama adalah Perjanjian Perdagangan Pertanian yang sedang diperbincangkan di World Trade Organization (WTO) yang mana akan menguntungkan syarikat transnasional dan negara maju.

Pekebun kecil dan negara yang sedang membangun akan terjejas dengan teruk akibat perjanjian ini. Misalnya di Filipina, kebebasan perdagangan tidak membawa kepada pengeksportan makanan tambahan, sebaliknya mereka telah menambah import. Eksport pertanian telah menurun dari kira-kira 40% daripada jumlah eksport pada tahun 1984 kepada 20% pada tahun 1993. Sementara itu, import pertanian dan makanan adalah sebesar RM 11 billion. Kebanyakan negara-negara Asia Tenggara telah mengalami pertumbuhan pesat di dalam jumlah import baru-baru ini.

Pergantungan ke atas barang import telah membawa ancaman besar terhadap jaminan makanan terutamanya apabila berlakunya krisis ekonomi.

- **BAGAIMANA KERAJAAN BOLEH MENYOKONG PENGELUARAN DAN PENGGUNAANYANGLESTARI**

Kerajaan.....

1. harus menerima atau menggalakkan penerimaan polisi yang dapat memenuhi keperluan setiap rakyat seperti galian, tanah dan air segar. Ini boleh dilakukan melalui gabungan beberapa polisi termasuk peraturan, alat ekonomi dan sosial, polisi sektoral seperti guna tanah, pengangkutan dan perumahan, pemansuhan subsidi yang menggalakkan corak penggunaan dan pengeluaran yang tidak lestari.
2. Harus mengiatkan usaha untuk mengurangkan intensiti tenaga dan material dalam pengeluaran dan penggunaan. Pencemaran dan pembuangan sisa melalui galakan penjagaan tenaga dan keberkesannya harus dititikberatkan. Persekitaran yang sempurna dan penggunaan sumber yang boleh diperbaharui, pengurangan pembuangan sisa dan penggunaan semula barangan dan material, serta penyebaran teknologi dan inovasi. Galakan harus diberikan terhadap penyelidikan dan pembangunan tempatan yang bersesuaian dengan budaya dan keadaan ekonomi negara.
3. Harus menggalakkan pembangunan dan permintaan terhadap keluaran yang berkualiti, tahan lama, boleh dikitar semula, diperbaiki semula dan boleh digunakan semula serta bebas dari bahan-bahan toksid. Kerajaan harus memperkenalkan program mengelakkan pembuangan dan menggalakkan penggunaan kemudahan untuk diperbaiki dan menggunakan semula barangan terpakai.
4. Harus juga menjalankan dan menggalakkan penyelidikan dan analisa ke atas tingkah laku pengguna dan pencemaran alam sekitar dengan tujuan mengenalpasti cara-cara mengurangkan kesan persekitaran ke atas penggunaan dan memenuhi keperluan asas manusia.
5. Penggalakkan penggunaan yang lestari memerlukan kerajaan berganding bahu dengan semua rakyat. Wanita mempunyai peranan yang penting dalam penggunaan yang lestari kerana mereka memainkan peranan dalam memenuhi keperluan keluarga. Kerajaan juga harus memainkan peranan yang aktif dan menyokong pengguna dan organisasi rakyat lain terlibat dalam menggalakkan pengeluaran dan penggunaan yang lestari.

APAKAH YANG BOLEH DIBUAT OLEH PENGGUNA?

Pengguna boleh membantu menggalakkan pengawalan makanan melalui:

- Kurangkan penggunaan – terutamanya daging dan produk import lain yang mahal
- Lebihkan makan makanan – tempatan – yang dihasilkan secara tempatan
- Jangan membazir makanan
- Menyokong polisi dan langkah-langkah lain yang menggalakkan jaminan makanan
- Mendidik pengguna – menimbulkan kesedaran terhadap faedah pengeluaran dan penggunaan yang lestari
- Pengguna boleh membantu petani dengan membeli hasil mereka secara langsung

CODEX Alimentarius – Piawaian Makanan

Makanan kita semakin dikawal oleh pertubuhan antarabangsa yang tidak pernah kita kenali. *CODEX Alimentarius* adalah sebuah agensi PBB di bawah FAO mempunyai pengaruh yang luas ke atas pengguna kerana ia mengawal makanan yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa dan juga makanan yang tidak boleh diperdagangkan atau dimakan oleh kita. Namun, terdapat masyarakat yang pernah mendengar mengenai CODEX cuba memahami apakah ia dan bagaimana ia melindungi kepentingan mereka?.

Ia bertujuan untuk membawa kesepakatan dan penyesuaian piawaian makanan, yang boleh digunakan dengan yakin di seluruh dunia untuk menggalakkan perdagangan dan melindungi pengguna.

Sejak rundingan Uruguay terhadap Perjanjian Umum Perdagangan dan Tarif (GATT) diadakan pada tahun 1993, *CODEX* telah menjadi piawaian asas antarabangsa dalam perdagangan antara negara anggota. Ini bermakna makanan yang selaras dengan piawaian *CODEX* boleh diperdagangkan antara negara tanpa sebarang ikatan terhadap undang-undang negara yang sedia ada. Sesetengah negara yang tidak mempunyai piawaian makanan yang tersendiri menjadikan *CODEX* sebagai rujukan mereka. Sesetengah negara lain mendapati *CODEX* boleh menggantikan undang-undang negara mereka. Misalnya, ia boleh dijadikan rujukan dalam pertikaian perdagangan antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (EU) mengenai penggunaan hormon perangsang tumbesaran di dalam daging.

Namun begitu, jawatankuasanya tetap didominasi oleh negara industri dan ini melambatkan proses pengambilan keputusan. Jadi, negara-negara membangun dan para pengguna harus lebih banyak melibatkan diri di dalam *CODEX*. Di Malaysia, perbincangan umum mengenai CODEX perlu diadakan.



Isu-isu yang berkaitan dengan makanan dan pertanian yang terkandung dalam Rancangan-rancangan Malaysia

Kadar pengeluaran dari sektor pertanian adalah 4.8% semasa Rancangan Malaysia Pertama dan ini telah meningkat ke 8% semasa Rancangan Malaysia Kedua. Walaubagaimanapun, kadar pengeluaran telah menurun ke 4.3% semasa Rancangan Malaysia Keempat, dan ia terus menurun ke 4.0% pada masa Rancangan Malaysia Keenam (telah menurun lagi sehingga ke 2.4% pada masa Rancangan Malaysia Ketujuh).

Sektor pertanian telah menyumbang sebanyak 32.1% kepada GDP pada tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Sumbangan sektor pertanian kepada GDP telah menurun sedikit iaitu sebanyak 29.8% semasa Rancangan Malaysia Ketiga. Keadaan ini terus berlaku semasa Rancangan Malaysia Keempat iaitu dengan 22.2% dan 13.6% semasa Rancangan Malaysia Keenam. Penurunan yang berterusan juga dialami semasa Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu sebanyak 10.5%. Memandangkan keadaan sebegini sering berlaku, pihak kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah yang baru untuk mengatasi masalah yang dialami oleh sektor pertanian. Langkah-langkah yang telah diperkenalkan adalah seperti yang berikut:

- Dasar Ekonomi Baru - Rancangan Malaysia Ketiga
- Dasar Pertanian Negara - Rancangan Malaysia Keempat
- Industri Agro-based - Rancangan Malaysia Keenam
- Pertanian Lestari/mampam - Rancangan Malaysia Ketujuh

Pengeluaran tempatan yang dapat menampung permintaan tempatan:

- Rancangan Malaysia Pertama - 80%
- Rancangan Malaysia Kedua - 87%
- Rancangan Malaysia Ketiga - 92%
- Rancangan Malaysia Keempat - 76.5%
- Rancangan Malaysia Kelima - 75%
- Rancangan Malaysia Ketujuh - 75% (1995)
- Ramalan - 65% (tahun 2010)

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama, sektor perikanan telah menunjukkan perkembangan yang baik. Peningkatan sebanyak 7.8% telah dicatatkan semasa Rancangan Malaysia Kedua. MAJUIKAN telah diperkenalkan semasa Rancangan Malaysia Ketiga dan sektor perikanan terus menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Aquakultur telah diperkenalkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Penurunan telah berlaku semasa

Rancangan Malaysia Keempat. Walaupun penangkapan ikan laut dalam telah diperkenalkan pada Rancangan Malaysia Ketujuh dengan hanya mencatatkan 4.4% dalam penangkapan sektor perikanan.

Rancangan Malaysia Pertama telah mencatatkan sebanyak 9.8% dalam pengeluaran ternakan tempatan. Semasa Rancangan Malaysia Kedua, negara kita berjaya memenuhi segala permintaan tempatan bagi ayam and daging khinzir.

Meskipun begitu, sebanyak RM68.9 million telah dibelanjakan untuk mengimport barangan tenusu. Dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Ketiga, permintaan dalam negara untuk ayam, telur dan daging khinzir telah berjaya dipenuhi tetapi 95% daripada barangan tenusu masih diimport. Semasa tempoh Rancangan Malaysia Keempat, pengeluaran susu tempatan telah meningkat dan harga bagi makanan ternakan yang diimport juga meningkat. Pada tempoh Rancangan Malaysia Kelima, pengeluaran susu telah meningkat sebanyak tiga kali ganda. 10% daripada permintaan tempatan telah berjaya dipenuhi semasa Rancangan Malaysia Keenam tetapi pengimportan barangan tenusu masih berterusan.

Penyumbangan sektor pertanian dalam GDP

TAHUN	GDP (%)
1980	22.9
1985	20.8
1990	18.7

Sumber: Dasar Pertanian Negara (1992-2010)

Penyumbangan sektor pertanian dan sektor perindustrian dalam GNP (1960 – 1994)

TAHUN	PERTANIAN (%)	PERINDUSTRIAN (%)
1960	33.0	12.5
1970	29.0	13.9
1980	22.9	17.0
1991	18.7	19.6
1992	16.6	28.9
1993	15.8	30.1
1994	14.9	31.4

Sumber: Panduan dan indeks Pertanian Malaysia 1995/1996

BENGGEL

Sessi soal-jawab

Isu-isu yang telah bangkit termasuk :

- Badan-badan bukan kerajaan (NGO) perlu mempunyai sikap positif demi membantu kerajaan dalam usaha untuk mengatasi krisis ekonomi. ERA telah diminta untuk menolong para petani dari segi perkhidmatan teknikal, nasihat dan kewangan.
- Penekanan patut diberikan kepada penggunaan kaedah pertanian yang organik / tanpa menggunakan racun perosak. Ini adalah kerana ia dapat menjimatkan kos pengeluaran secara keseluruhannya.
- Pertanian secara organik patut diamalkan. Satu contoh yang baik ialah sistem “Shimomoto” yang telah diamalkan di negara Jepun iaitu dengan menghasilkan kompos yang berkualiti untuk tanah dan dapat mengelakkan serangga dengan persediaan halia dan cuka.
- Sayur-sayuran yang dihasilkan secara organik patut dijual secara terus kepada para pengguna. Kos pengeluaran akan meningkat bergantung kepada tenaga buruh yang diperlukan. Sistem pengeluaran sebegini patut menerima sokongan yang hangat daripada para pengguna kerana merekalah yang dapat mempromosikan kebaikan pertanian organik.
- Pihak kerajaan harus menggalakkan orang ramai menanam sayur-sayuran dan buah-buahan di kawasan perumahan mereka.
- Hasil penangkapan ikan laut semakin berkurangan, oleh itu langkah alternatif seperti menggalakkan penternakan ikan air tawar perlu diperkenalkan. 15 buah pusat untuk menternak ikan air tawar telah ditubuhkan oleh kerajaan untuk tujuan pemasaran. Kempen-kempen seperti menggalakkan pengambilan ikan beku juga diperkenalkan oleh kerajaan.
- Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedang mencari jalan untuk meningkatkan pengeluaran daging dalam negara kita.

Soalan perbincangan

Soalan-soalan yang diagihkan untuk perbincangan secara kumpulan adalah seperti dibawah:

- Apakah pandangan anda terhadap jaminan makanan?
- Apakah matlamat / objektif yang anda ingin capai menerusi jaminan makanan
- Bagaimanakah keadaan jaminan makanan sekarang? Apa yang menyebabkan keadaan ini?
- Apakah langkah-langkah yang perlukan untuk mencapai jaminan makanan?

LAPORAN BENGKEL KERJA:

I. BEKALAN YANG MENCUKUPI

- (a) Polisi kurangkan import (re-priotise import/bill)
- (b) Menggalakkan pertanian kecil-kecilan
- (c) Mengubah sikap amalan pemakanan (mengurangkan makanan segera dan makanan import)
- (d) Tumpukan kepada hasil makanan tempatan (buah-buahan dan sayur-sayuran)
- Kempen Penyusuan Ibu, Kempen Buku Hijau
- (e) Cuba untuk menanam tanaman yang kebanyakannya diimport seperti bawang, halia dan sebagainya.

2. SELAMAT DIMAKAN

- (a) Pertanian secara selamat
- (b) Mengalakkan pertanian alternatif iaitu IPM (Integrated Pest Management) dan organik
- (c) Pertanian secara berkelompok (CSA)

3. BANTUAN KERAJAAN

- Subsidi
- Pinjaman
- Tunjuk ajar untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang pertanian.
- Penyelidikan untuk membangunkan industri pertanian
- Mengalakkan kerjaya pertanian contohnya ko-kurikulum di sekolah, Institut Pengajian Tinggi, latihan kepada belia, latihan kemahiran untuk mengenalpasti masalah pertanian.
- Penekanan kepada pertanian dalam Rancangan Malaysia dengan peruntukan yang lebih
- Bank Makanan dan Bank Benih (untuk membangunkan industri tempatan contoh padi, benih dan teknologi)

4. **JOINT VENTURE**

- Penguatkuasa secara bergabung
- Pengguna (sebarang maklumat pendidikan)
- Tidak bersifat diskriminasi terhadap barang-barang yang diimport dan untuk kegunaan domestik

5. **HARGA BERPATUTAN**

- (a) Membangunkan industri pertanian
- (b) Menghasilkan makanan ternakan
- (c) Mengurangkan cukai ke atas barang keperluan pertanian
- (d) Penguatkuasaan yang ketat
- (e) Pendidikan Pengguna

6. **SENANG DIPEROLEHI**

- (a) Pemasaran secara terus dari pengeluar kepada pengguna
- (b) Pengeluaran tempatan (localise product) melalui pertanian di bandar, bertani di kawasan rumah (kitchen gardening)

Secara umumnya:-

- i. Mengurangkan penggunaan bahan kimia seperti racun perosak, baja kimia serta benih yang diimport (animal feed)
- ii. Memelihara dan mengurangkan baka-baka dan benih tempatan
- iii. Bantuan kerajaan diperlukan dalam menyediakan tanah yang sesuai.

HARI KEDUA

LAPORAN DARI NEGARA-NEGARA LAIN

I. Vietnam

Kepelbagaian Pertanian di Vietnam dan Kemampuannya Serta Kaitannya dengan Negara-negara Asia Tenggara Yang Lain

Vo-Tong Xuan

Center for Southeast Asian Studies, Kyoto University, Japan, and

Mekong Delta Farming, Systems R&D Institute, University of Cantho, Vietnam

Disediakan oleh Tran Hong Truong

VACVINA (Vietnam Gardeners Association), Vietnam

Sejak tahun 1989 Vietnam telah melakukan beberapa perubahan dalam polisi kerajaan ke atas sektor pertanian sehingga Vietnam menjadi salah sebuah negara pengeksporth beras yang terbesar di dunia. Walaupun jumlah eksport tahunan beras di Vietnam adalah 2 hingga 3 million tan metrik setahun, namun jumlah pendapatan yang diperolehi oleh kebanyakan petani ini adalah yang terendah di antara tenaga buruh di Vietnam. Petani-petani ini terpaksa berhadapan dengan masalah seperti peningkatan kos-kos input di mana harga beras akan menjadi rendah sekiranya mereka mengurangkan keluaran padi dan meningkatkan kos pengeluaran. Pengurangan keluaran padi berlaku disebabkan oleh pelbagai kegunaan beras-monokultur oleh para petani seperti perubahan dalam baja fizikal dan kimia disebabkan oleh ketidakcekapan pengurusan dalam kualiti air dan pengurusan air yang tidak bertanggungjawab. Walaubagaimanapun, beberapa orang petani, telah cuba mengatasi masalah ini dengan mencuba pelbagai sistem pertanian yang baru untuk meningkatkan penggunaan semua sumber yang ada.

“Vietnam Farming Systems Network” telah menjalankan kajian saintifik ke atas teknologi baru untuk digunakan dalam sistem eko-pertanian dalam usaha untuk mempelbagaikan pengeluaran dalam sektor pertanian di Vietnam. Matlamat kepelbagaian ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah petani dengan menyediakan sumber-sumber pengurusan yang mampan serta mengekalkan jaminan mutu makanan. Kajian kami tertumpu kepada mengekalkan tanaman dengan keupayaan biomas yang tinggi untuk tranformasi kepada makanan, keperluan makanan dan minyak, dimana ia boleh membantu dalam mengembalikan pembajaan tanah dan bertindak sebagai pemusnah gas karbon dioksida dan metana dari rumah hijau; mempelbagaikan binatang ternakan dan berdasarkan produk, menghasilkan pendapatan dan baja (tahi binatang), menyumbang kepada jaminan makanan dan ekonomi, dan memberi pekerjaan kepada wanita dan kanak-kanak; dan teknologi.

Di kawasan empangan: The Red River Delta, dimana cuaca di sana adalah separuh tropika dengan musim sejuk yang panjang, sayur-sayuran musim sejuk yang bernilai tinggi, jagung campuran, gandum “Rhizoctonia”, campuran ubi kentang putih (menggunakan teknologi anak benih ubi kentang yang sebenar) telah membolehkan petani-petani menggantikan tanaman beras pada musim sejuk. Anak-anak benih, buah laici dan longan juga boleh di tanam dengan meluas di tanah-tanah yang tidak sesuai untuk tanaman padi terutamanya di kawasan bukit. Kebanyakan ladang mempunyai satu atau lebih binatang ternakan seperti khinzir, beberapa ekor ayam atau itik, seperti kawasan ternakan ikan yang kecil di Delta Mekong, sistem pertanian yang berterusan seperti padi - udang galah, padi - ikan dan padi-tanaman jangka pendek. Kawasan pokok buah-buahan dengan buah-buahan tropika yang banyak seperti mangga wangi, durian dan lain-lain lagi – telah mula di tanam di kawasan tanaman padi. Tetapi kerana pembangunan yang tidak terancang yang dijalankan oleh kerajaan, petani-petani sering berhadapan dengan ancaman bencana alam seperti banjir yang boleh merosakkan kawasan kebun buah-buahan mereka. Di kawasan pertanian ekologi yang lain, seperti Central Highlands, Central Coast dan kawasan Asia Tenggara, penanaman padi dengan kemudahan pengairan boleh juga disepadukan dengan ternakan haiwan dan tanaman kontan.

Di kawasan tadahan hujan, biasanya hanya satu jenis tanaman padi ditanam menggunakan cara tradisional dalam jangka masa sederhana atau panjang dan petani boleh menanam 2 jenis tanaman padi menggunakan pendekatan tradisional dalam jangka pendek. Ini adalah tanaman yang berisiko bukan sahaja kepada Vietnam tetapi negara-negara Asia yang lain terutamanya di Kemboja dan Laos kerana pada musim kemarau ia akan merosakkan tanaman padi. Kami telah merekabentuk teknik penuaian secara langsung (DDS) untuk membantu mengurangkan risiko tersebut. Teknik ini boleh mengawal tanaman di kawasan kering seperti kacang panjang dan diikuti dengan tanaman padi tradisional. Tasik buatan yang diwujudkan digunakan sebagai kawasan tadahan hujan yang boleh membantu tanaman seperti timun dan tembikai sebelum kawasan tersebut benar-benar kering. Teknologi ini diperlukan bukan setakat di Vietnam tetapi di negara-negara lain yang mempunyai musim kemarau.

Di kawasan tadahan hujan, petani menggunakan kaedah tanaman bergilir dengan kaedah pengasingan mengikut kontur. Ia akan digantikan dengan tanaman seperti kacang, kacang soya dan kekacang sementara pokok buah-buahan akan ditanam di atas bukit. Hakisan tanah akan dapat dikurangkan sekiranya beberapa ekor binatang ternakan diletakkan di kawasan itu. Bagaimanapun teknik ini terhad memandangkan perkhidmatan kerajaan seperti pegawai pengembangan tidak bertemu dengan petani di kawasan pedalaman di mana situasi yang sama berlaku di negara-negara Asia yang lain.

Paras air ketika banjir selalunya dari 30cm hingga 40 meter. Padi yang ditanam di kawasan kering akan dipindahkan sekali sewaktu musim hujan. Dengan menggunakan pelbagai pendekatan, penuaian benih secara langsung boleh mengurangkan kos buruh dan kos

pengurusan. Sistem ini adalah sesuai digunakan dan telah dijalankan di Filipina dan Thailand.

Selain Vietnam yang cuba untuk meningkatkan pendapatan para petani dengan mengadakan pelbagai jenis pertanian, negara-negara Asia Tenggara yang lain juga cuba untuk mencapai matlamat tersebut dengan meningkatkan hasil tanaman padi. Malaysia adalah negara pertama yang telah menjalankan program seperti ini iaitu sejak tahun 1968 melalui pengeluaran minyak kelapa sawit dan kini Malaysia bercadang untuk mengekalkan 65% pengeluaran padi dan selebihnya diimport. Indonesia dan Filipina juga mengambil langkah yang sama selain Thailand yang telah mengkomersialkan ternakan udang galah dan pokok buah-buahan (longan, laici dan durian). Kawasan tanaman padi di negara-negara ini hanya akan dimonopoli sekiranya harga padi meningkat kerana peningkatan dalam permintaan padi dunia.

Pengalaman India dalam alternatif teknologi makanan

Oleh K. Govindan

India merupakan sebuah negara yang tertumpu kepada pertanian. Tetapi pada tahun 1951, pengeluaran sumber makanan hanya mencapai 51 million tan yang tidak dapat memenuhi keperluan pada masa itu. Oleh itu, India perlu mengimport sumber makanan untuk memenuhi permintaan dalam negara walaupun pada masa itu populasinya hanya 361 million.

Kini, pengeluaran sumber makanan telah meningkat sebanyak 4 kali ganda iaitu dengan mencapai kira-kira 200 million tan. India tidak perlu lagi mengimport sumber makanan. Sebaliknya India berupaya untuk mengeksport sumber makanan seperti beras panjang, beras-beras lain dan juga gandum sepanjang masa.

Dari segi susu, sayuran dan buah-buahan, ia juga menunjukkan peningkatan yang baik yang telah berjaya meletakkan India sebagai salah satu pengeluar yang utama di dunia.

Bagaimana India berupaya meningkatkan hasil pengeluaran pertanian seperti bijirin, makanan, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya serta berupaya mencapai keupayaan kendir walaupun populasinya juga meningkat dengan mendadak pada masa yang sama? ini kerana berlakunya apa yang dipanggil 'Revolusi Hijau'.

Pada permulaan, India telah memperluaskan kawasan tanaman bijirin pada tahun 1951 dari 78 million hektar kepada 100 hektar iaitu dengan peningkatan sebanyak 28%. Kedua, adalah peningkatan hasil dari 542kg per hektar pada tahun 1951 kepada 1730kg sekarang, iaitu dengan peningkatan sebanyak 3.2 kali ganda berbanding dengan tahun 1951. Peningkatan hasil dapat dicapai adalah disebabkan oleh langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan para petani. Langkah-langkah itu adalah seperti berikut :

1. Penghasilan dan pemberian biji benih yang berkualiti dan dapat menghasilkan hasil yang tinggi telah diberikan kepada para petani. Biji benih ini dihasilkan dan diberikan oleh agensi-agensi seperti Korporat Benih Nasional, Korporat Ladang Negeri, 13 koperasi benih negeri dan lebih daripada 100 buah syarikat swasta. Council India, nama asal untuk kajian pertanian, telah menjalankan kajian menerusi 45 institusi, 30 pusat kajian national, 86 projek pertanian dan 29 universiti pertanian negeri. Kajian ini bukan sahaja untuk menghasilkan benih yang berhasil tinggi, malah juga cuba untuk memendekkan masa penanaman semusim supaya dapat menjalankan tanaman sebanyak 3 musim setahun. Sesetengah jenis padi dapat dituai kurang daripada 100 hari. Kajian ini juga meliputi ketahanan terhadap kemarau, penyakit, serangan dan sebagainya.

2. Ketiga, merupakan perluasan sistem pengairan dengan pembinaan empangan-empangan dan pemberian pinjaman kepada para petani untuk mengorek perigi. Dengan adanya sistem pengairan yang bersistematik, ia telah meningkatkan kawasan pertanian dari 22 million hektar pada tahun 1951 ke 92 million hektar pada tahun 1997. Sumber air di bawah tanah juga digunakan dengan pertolongan dari institusi kewangan yang menawarkan faedah yang rendah.

Faktor-faktor seperti perluasan kawasan tanaman, pengenalan benih yang berhasil tinggi, musim tanaman yang pendek, peningkatan penggunaan baja, perluasan sistem pengairan dan lain-lain yang merupakan faktor utama dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan. Selain itu, langkah-langkah seperti pemuliharaan tanah dan air, pengawalan banjir, mekanisasi ladang dan sebagainya juga menyumbang dalam peningkatan pengeluaran.

Sekarang, India merupakan pengeluar terbesar bagi buah-buahan di dunia. Buah-buahan utama adalah seperti mangga, pisang, epal, anggur dan oren. India juga merupakan pengeluar kedua terbesar bagi sayuran dengan pengeluaran sebanyak 70 million tans.

India juga mempunyai bilangan ternakan yang terbanyak di dunia dengan lebih daripada 205 million ekor lembu, 85 million ekor kerbau, 50 million ekor biri-biri, 120 million ekor kambing dan 350 million ekor ayam. Ini telah jelas menunjukkan pembangunan pertanian dalam sektor penternakan. Pada masa sekarang, terdapat 75,000 buah koperasi tenusu dengan keahliannya lebih kurang 10 million orang. Pengeluaran susu telah mencapai 70 million tan dan ini meletakkan negara India ditangga kedua antara pengeluar-pengeluar utama di dunia. Semua ini telah menunjukkan India telah mencapai 'Revolusi Putih'. Pada 2-3 tahun akan datang, Negara India dijangka akan menjadi pengeluar tenusu yang terbesar di dunia. Ini dapat dicapai kerana adanya penawaran lembu yang boleh menghasilkan susu yang banyak kepada para petani menerusi pinjaman, perkhidmatan doktor/klinik haiwan dari seluruh negara dan pemberian harga yang berpatutan bagi susu.

Pembangunan sektor penternakan di India adalah terbukti. Pengeluaran tahunan bagi telur-telur pada masa kini ialah sebanyak 30 billion. Walaupun ia tidak tinggi berbanding dengan negara-negara lain tetapi untuk India sendiri ia dianggap tinggi. Ini adalah kerana jarang sekali penduduk India makan telur. Ini juga disebabkan ramai di antara penduduknya merupakan mereka yang tidak makan daging termasuk telur. Oleh sebab itu pengeluaran sebegini bukan sahaja dianggap tinggi, malah telah juga menyebabkan para penternak ayam bimbang bahawa penawaran ayam di pasaran adalah terlalu tinggi.

Perindustrian gula adalah industri yang terbesar di India. Kilang-kilang gula telah meningkat dari 138 buah pada tahun 1951 ke kira-kira 500 buah kini. India bukan sahaja merupakan pengeluar gula terbesar di dunia malah kepakaran dan kebolehan yang ada pada mereka juga telah membolehkan mereka mendirikan kilang-kilang gula dan mengusahakan ladang gula di negara-negara lain.

Kini, India berkeupayaan sendiri dalam penghasilan tanaman jenis makanan dan sejajar dengan peningkatan populasinya.

India membuat perjanjian untuk bekerjasama dalam sektor pertanian dengan beberapa negara. Tambahan pula India turut membuat perjanjian dengan FAO untuk menghantar pakar-pakar dalam sektor pertanian ke negara-negara membangun untuk menolong dalam institusi kajian. India juga menjalankan pelbagai program untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan. Segala perbelanjaan ini adalah ditanggung oleh Program Indian Technical and Economic Cooperation yang dijalankan di bawah kerajaan India. Negara India juga mengalu-alukan kerjasama dengan Malaysia dalam usaha untuk membangunkan lagi sektor pertanian.

Pengalaman CUBA dalam menggunakan alternatif bagi teknologi makanan

By Sarojeni Rengam

Walaupun CUBA adalah sebuah negara kecil dan miskin, kebanyakan daripada rakyatnya adalah ahli akademik yang berpendidikan. Kebanyakan orang berpendidikan ini terlibat dalam sektor pertanian untuk menyara kehidupan mereka. Kumpulan petani ini melakukan pertanian secara intensif.

Disebabkan kerajaan Amerika Syarikat melarang negara-negara lain daripada mengeksport makanan ke CUBA, adalah sangat susah untuk mendapatkan makanan pada masa itu. Oleh itu untuk meneruskan kehidupan, masyarakat yang berpendidikan telah melibatkan diri dalam pertanian untuk membantu usaha bagi memenuhi keperluan penduduk di Cuba pada masa itu. Kanak-kanak juga telah menolong dalam aktiviti pertanian pada masa itu.

Pertanian agrophonik yang merupakan cara pertanian moden yang tidak menggunakan tanah dan bekas telah diperkenalkan di Cuba. Selain daripada pertanian secara moden, pertanian secara tradisional juga memainkan peranan yang penting dalam sektor pertanian di Cuba.

Walaubagaimanapun, pengendalian tanah juga adalah sangat penting. Sebagai contoh, cacing tanah atau ulat digunakan untuk menyuburkan tanah. Kerajaan Cuba tidak pernah memberi sebarang subsidi kepada para petani. Yang paling menarik dalam sektor pertanian di Cuba adalah kebanyakan pakar-pakar profesional yang bekerja sebagai cikgu, doktor melakukan kegiatan pertanian secara sambilan di kawasan rumah sendiri. Selain daripada itu, perkhidmatan kesihatan juga merupakan kegiatan harian bagi para penduduk di Cuba. Setelah melalui masa lampau yang perit, penduduk Cuba telah dapat mengatasi semua masalah mereka.

Perbincangan mengenai isu-isu penting

1. Pengimportan makanan dapat dikurangkan jika 3 langkah seperti di bawah diamalkan:
 - menggalakkan kegiatan pertanian. Pihak swasta patut diberikan insentif jika membuat pelaburan dalam pertanian
 - bank harus menawarkan dan memberikan perkhidmatan pinjaman kepada sesiapa yang berminat melibatkan diri dalam pertanian

- kerajaan negeri patut membantu para petani untuk memasarkan hasil pertanian.
2. Bank harus memberikan kemudahan perkhidmatan pinjaman yang sama kepada sektor pertanian seperti yang diberikan kepada sektor perindustrian. Ini kerana keadaan sekarang lebih banyak penekanan diberikan kepada sektor perindustrian.
 3. Pihak kerajaan patut membuat penyelidikan mengenai pertanian jenis hidroponik kerana cara penanaman ini banyak menggunakan baja kimia

Bengkel - Plan Tindakan

Soalan Perbincangan

Isu-isu yang telah diperbincangkan adalah seperti berikut:

1. Langkah untuk memastikan pengeluaran makanan yang mencukupi
 2. Langkah untuk memastikan sistem pemasaran dan pengedaran yang berkesan
 3. Langkah untuk mengatasi masalah tanah terbiar
 4. Langkah untuk mengatasi masalah kewangan
 5. Langkah untuk menentukan mekanisma perdagangan
-
1. **Pengeluaran makanan yang mencukupi**
 - Pihak kerajaan patut meningkatkan usaha untuk menggalakkan penghasilan makanan seperti padi, sayur dan buah-buahan
 - Agensi-agensi kerajaan harus bekerjasama dengan pihak kerajaan dan pihak swasta dalam usaha untuk memastikan kejayaan dalam pengeluaran makanan
 - Bank juga patut menitikberatkan pengeluaran pertanian dan sektor penternakan
 - Pertanian yang diusahakan di ladang-ladang oleh komuniti patut digalakkan
 - Kegiatan pertanian yang mesra patut digalakkan
 2. **Sistem pemasaran secara pengedaran yang berkesan**
 - pemasaran secara langsung patut digalakkan untuk mengurangkan kos
 - agensi kerajaan tidak digalakkan atau tidak perlu terlibat dalam sistem pemasaran bagi hasil-hasil pertanian
 - peranan orang tengah patut dihapuskan
 3. **Tanah terbiar**
 - Kewujudan tanah terbiar adalah disebabkan ketidakcekapan dalam sistem pengurusan dan pentadbiran
 4. **Polisi Kerajaan dan Subsidi**
 5. **Sumber Kewangan**
 6. **Perdagangan**
 - Ringkasan
 - Kesimpulan

Isu-isu penting yang berkaitan dengan makanan dan pertanian yang terkandung dalam Rancangan Malaysia I hingga 7

Rancangan Malaysia Pertama (1966 – 1970)

Latar Belakang

1. Kemajuan sektor pertanian penting bagi pembangunan ekonomi secara keseluruhannya
2. Pengeluaran kasar dalam negeri (GDP) adalah dari sektor pertanian
3. Mewujudkan pekerjaan kepada sesetengah daripada populasi pekerja dan 50% dari pendapatan pertukaran asing adalah dari sektor ini
4. Kadar pertumbuhan sektor pertanian adalah pada kadar 8% setahun

Padi

1. Pengeluaran padi telah berkembang pada kadar 11.9% setahun.(disebabkan oleh penanaman padi 2 kali setahun)
2. Lembaga Padi Negara telah ditubuhkan bagi mengkordinasikan aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran.

Perikanan

1. Pengeluaran bertambah sebanyak 8% setahun (disebabkan penanaman dua kali setahun)
2. Lembaga Padi Negara ditubuhkan bagi mengkordinasikan aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran

Penternakan

1. Pengeluaran di sektor ini bertambah sebanyak 5.4% setahun terutamanya di sektor ayam dan khinzir

Rancangan Malaysia Kedua (1971 – 1975)

Latar Belakang

1. Sektor pertanian merupakan sektor yang penting dalam ekonomi Malaysia
2. Sektor pertanian menawarkan pekerjaan sebanyak 49.3% daripada jumlah tenaga pekerja pada tahun 1975
3. Sektor pertanian merekodkan jumlah kemiskinan yang tertinggi

ERA Consumer Malaysia

4. Penyumbangan sektor pertanian dalam GDP turun dari 32.1% (1970) ke 29.8% (1975)

Padi

1. Skim pengairan Muda dan Kemubu dilaksanakan
2. 87% dari keperluan sendiri dapat dipenuhi

Perikanan

1. MAJUIKAN ditubuhkan pada tahun 1971
2. Penangkapan ikan bertambah sebanyak 7.8% setahun

Penternakan

1. Di Malaysia Barat, semua keperluan tempatan bagi ayam dan khinzir masih bergantung pada import bahan tenusu (68.9 juta pada tahun 1970)
2. MAJUTERNAK ditubuhkan pada tahun 1975
3. Keperluan tempatan bagi ayam, telur dan khinzir dapat memenuhi 95% dari keperluan bahan tenusu diimport

Rancangan Malaysia Ketiga (1976 – 1980)

Latar Belakang

1. Sektor pertanian diberikan keutamaan bagi mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru
2. Kadar kemiskinan di kalangan isirumah yang terlibat dalam sektor pertanian adalah 46.1% (1980)
3. Sektor pertanian berkembang pada kadar 4.3% setahun dan GDP sektor pertanian turun dari 29.8% (1970) ke 22.2% (1980)

Padi

1. Pengeluaran padi bertambah
2. Dapat menampung 92% keperluan tempatan (1980) berbanding dengan 78% pada tahun 1970

Perikanan

1. Penangkapan ikan bertambah pada kadar 9.8% setahun
2. Program akuakultur bagi ikan dan udang diperkembangkan pada tahun 1976-1980

Penternakan

1. Pengeluaran ikan bertambah dengan program pembangunan tenusu bagi pekebun kecil
2. Kos makanan haiwan yang diimport semakin tinggi

Rancangan Malaysia Keempat (1981 – 1985)

Latar Belakang

1. Sektor pertanian adalah penting bagi ekonomi negara
2. GDP sektor pertanian menurun ke 20.3% pada 1985. Walaubagaimanapun sektor pertanian mencapai kadar pertumbuhan 3.1% setahun.

Padi

1. Pengeluaran turun sebanyak 1.1% setahun
2. 76.5% keperluan tempatan dipenuhi berbanding dengan target 80-85% di bawah Dasar Pertanian Kebangsaan

Perikanan

1. Pengeluaran ikan turun disebabkan kekurangan sumber perikanan terutamanya di pantai Semenanjung Malaysia
2. Pengeluaran akuakultur juga turun disebabkan ketidakberkesanan sistem pemasaran bagi ikan air tawar

Penternakan

1. Pengeluaran ayam, telur, daging lembu dan khinzir bertambah.
2. Pengeluaran susu bertambah 3 kali ganda berikutan jenis ternakan yang berkualiti baik

Rancangan Malaysia Kelima (1986 – 1990)

Latar Belakang

1. Perkembangan utama dalam sektor pertanian adalah pelancaran Dasar Pertanian Kebangsaan (DPK) pada tahun 1984. Terdapat strategi dan polisi jangka panjang bagi perkembangan sektor ini sehingga tahun 2000
2. Kadar pertumbuhan sektor pertanian adalah pada 4.6% setahun
3. Penekanan telah diberikan kepada pengeluaran tempatan kerana bil import untuk makanan terlalu tinggi iaitu pada RM 4000 – 5000 juta setahun
4. Kadar pengambilan pekerja dalam sektor ini telah menurun sebanyak 3.8%

Padi

1. Pengeluaran padi dipengaruhi oleh kekurangan tenaga pekerja, pengurusan yang lemah dan kemarau
2. Pengeluaran padi turun dari 2 juta tan (1985) kepada 1.6 juta tan (1990)

ERA Consumer Malaysia

3. BERNAS ditubuhkan pada tahun 1994 untuk memperbaiki sistem pemasaran beras

Perikanan

1. Penangkapan ikan bertambah sebanyak 7.6% dan 7.9% bagi akuakultur

Penternakan

1. Bagi ayam, telur dan daging khinzir, sektor ini dapat memenuhi keperluan tempatan terdapat lebih untuk diekspot
2. Hanya 10% keperluan susu tempatan dapat dipenuhi

Rancangan Malaysia Keenam (1991 – 1995)

Latar Belakang

1. Perkembangan dalam sektor pengeluaran dan perkhidmatan serta industri yang berasaskan pertanian (agro- based)
2. Pengimportan makanan bertambah sebanyak 8% iaitu dari 4.5 billion(1990) ke 6.7billion (1995)
3. Sektor pertanian berkembang pada kadar 2.4%
4. Penyumbangan sektor pertanian dalam GDP telah menurun ke 13.6% pada tahun 1995

Padi

1. Pengeluaran padi bertambah sebanyak 1.4% setahun
2. Hanya 75% dari keperluan tempatan dapat ditampung (1995) berbanding dengan 80%(1990)

Perikanan

1. Penangkapan ikan laut dalam bertambah pada kadar 4.4% setahun

Penternakan

1. Keperluan tempatan bagi ayam, telur dan daging khinzir dapat dipenuhi

Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000)

Latar Belakang

1. Strategik yang lebih berkesan diperlukan untuk mencapai pertanian lestari

DEKLARASI ROME : JAMINAN MAKANAN SEDUNIA

Kami, ketua-ketua negara dan kerajaan atau wakil kami, berhimpun di Persidangan Kemuncak Makanan Sedunia atas permintaan Pertubuhan Makanan dan Pertanian di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengesahkan hak setiap orang untuk memperoleh makanan yang selamat, berkhasiat dan mencukupi yang merupakan hak asasi setiap individu untuk bebas dari kebuluran.

Kami berjanji kegiatan politik kami dan komitmen kami di peringkat kebangsaan untuk mencapai jaminan makanan bagi setiap orang dan ke arah usaha untuk membasmi kebuluran di semua negara, dengan langkah yang segera diperlukan untuk mengurangkan jumlah orang yang kekurangan zat makanan kepada separuh daripada tahap semasa sebelum menjelang tahun 2015.

Kami menganggap ia adalah tidak munasabah bahawa lebih daripada 800 juta orang di seluruh dunia dan terutamanya di negara membangun, tidak mempunyai makanan yang cukup untuk memenuhi keperluan nutrien asas mereka. Hakikat ini tidak dapat diterima. Bekalan makanan telah meningkat dengan banyak, tetapi terdapat halangan dalam memperoleh makanan dan ketidakcukupan pendapatan isirumah dan negara yang berterusan untuk membeli makanan, ketidakstabilan penawaran dan permintaan dan juga malapetaka yang disebabkan oleh manusia dan semulajadi telah menghalang keperluan asas makanan daripada dipenuhi. Masalah kebuluran dan jaminan makanan yang mempunyai dimensi yang luas dan masih tidak berubah, juga bertambah secara dramatik di sesetengah rantau, jika keadaan terdesak, tindakan bersama yang telah diambil, dan telah memberi kesan terhadap pertambahan penduduk dunia dan tekanan ke atas sumber alam semulajadi.

Kami mengesahkan bahawa keadaan politik, sosial dan ekonomi yang aman dan stabil merupakan asas yang membolehkan sesebuah negara memberikan keutamaan terhadap jaminan makanan pembasmian kemiskinan. Demokrasi, promosi dan perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan, termasuk hak untuk pembangunan, dan penglibatan lelaki dan wanita yang seimbang adalah perlu untuk menjayakan pengawalan makanan untuk semua.

Kemiskinan adalah faktor utama bagi masalah jaminan makanan. Oleh itu, perkembangan yang berterusan dalam usaha untuk membasmi kemiskinan adalah kritikal untuk memperbaiki cara-cara untuk mendapat makanan. Konflik, keganasan, rasuah dan pencemaran alam juga adalah faktor signifikan yang mengakibatkan masalah jaminan makanan. Pertambahan pengeluaran makanan termasuk kualiti makanan mesti diambilkira. Ini perlu berlaku dalam lingkungan pengurusan sumber asli yang berterusan, penghapusan ketidakkekalan corak

penggunaan dan pengeluaran, terutamanya dalam negara-negara industri dan penempatan awal penduduk dunia. Kami mengakui sumbangan utama terhadap jaminan makanan adalah dari kaum wanita terutamanya di kawasan pedalaman di negara-negara membangun, dan keperluan untuk memastikan keseimbangan diantara lelaki dan wanita.

Pengaktifan kawasan pedalaman juga merupakan satu keutamaan untuk meningkatkan kestabilan sosial dan membantu memperbaiki kadar migrasi yang berlebihan yang dihadapi dikebiasan negara.

Kami menekankan perlunya untuk melaksanakan tanggungjawab sekarang bagi mencapai jaminan makanan bagi generasi masa kini dan masa hadapan. Mencapai jaminan makanan merupakan satu perkara yang kompleks di mana tanggungjawab yang utama berada ditangan kerajaan. Mereka harus mewujudkan persekitaran yang sesuai dan memiliki polisi yang dapat memastikan keamanan dan juga kestabilan sosial, politik dan ekonomi serta keseimbangan dan kesamaan jantina. Kami prihatin terhadap kewujudan fenomena kebuluran, pada kadar yang tinggi memberikan ancaman terhadap penduduk negara melalui pelbagai cara, kearah kestabilan masyarakat antarabangsa itu sendiri. Dalam lingkungan global, kerajaan harus bekerjasama secara aktif antara satu sama lain dan dengan organisasi-organisasi PBB, institusi kewangan, organisasi kerajaan dan bukan kerajaan dan sektor awam serta swasta, di dalam program-program ke arah menjayakan jaminan makanan untuk semua.

Makanan tidak seharusnya dijadikan alat politik dan ekonomi. Kami mengesahkan kepentingan kerjasama dan perpaduan antarabangsa, juga penilaian sehalu yang tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa dan Piagam PBB dan ini boleh membahayakan pengawalan makanan.

Kami mengiktirafkan keperluan menerima polisi yang membawa pelaburan di dalam pembangunan sumber manusia, penyelidikan dan infrastruktur untuk mencapai jaminan makanan. Kita mesti menggalakkan penjana pekerjaan dan pendapatan, serta menggalakkan yang adil terhadap sumber produktif dan sumber kewangan. Kami bersetuju bahawa perdagangan merupakan elemen yang penting dalam menjayakan jaminan makanan. Kami bersetuju untuk meneruskan perdagangan makanan dan polisi perdagangan secara keseluruhannya yang akan menggalakkan para pengeluar dan pengguna untuk memaksimumkan penggunaan sumber yang ada secara ekonomi dan secara stabil. Kami mengiktiraf kepentingan jaminan makanan secara lestari dalam pembangunan pertanian, perikanan, perhutanan dan kawasan pedalaman di kawasan yang berpotensi tinggi. Kami mengakui peranan penting yang dimainkan oleh para petani, nelayan, pegawai perhutanan, masyarakat pribumi dan komuniti mereka, orang-orang lain yang terlibat dalam sektor pemakanan dan organisasi mereka, disokong oleh penyelidikan yang berkesan dalam mencapai jaminan makanan. Polisi pembangunan kita yang lestari akan menggalakkan penglibatan penuh dan menguatkan masyarakat, khasnya wanita, agihan pendapatan yang

saksama, kemudahan kesihatan dan pendidikan serta peluang untuk golongan muda. Perhatian khusus harus diberikan kepada mereka yang tidak boleh menghasilkan atau memperolehi makanan yang secukupnya untuk pemakanan yang seimbang, termasuk mereka yang menerima kesan akibat peperangan, perang saudara, bencana alam atau perubahan ekologi yang berkaitan dengan iklim. Kami sedar perlunya ada tindakan segera untuk melawan serangga perosak, kemarau dan pencemaran sumber alam termasuk penangkapan ikan secara berlebihan dan hakisan biologi.

Kami dikehendaki mengambil langkah-langkah bagi menggerakkan dan meningkatkan penggunaan peruntukan sumber teknikal dan kewangan dari semua punca, termasuk bantuan pinjaman luaran untuk negara-negara membangun, bagi mengukuhkan tindakan kebangsaan untuk mempraktikkan hasil jaminan makanan yang berterusan.

Dipercayai bahawa pelbagai ciri dalam jaminan makanan memerlukan tindakan kebangsaan bersama, dan usaha antarabangsa yang berkesan sebagai langkah tambahan dan pengukuhan tindakan kebangsaan, kami akan mengambil langkah berikut:

- Kami akan memastikan persekitaran politik, sosial dan ekonomi yang stabil yang membolehkan pembentukan keadaan yang sesuai untuk membasmi kemiskinan dan untuk keamanan yang kekal, berdasarkan penglibatan yang sama oleh lelaki dan wanita, yang merupakan langkah yang sesuai untuk mencapai jaminan makanan yang berterusan untuk semua.
- Kami mempraktikkan polisi yang bermatlamat pembasmian kemiskinan dan ketidaksamarataan serta memulihkan keupayaan fizikal dan ekonomi yang membolehkan semua orang sentiasa memperolehi makanan yang berkhasiat dan mencukupi serta selamat dengan penggunaan yang maksimum.
- Kami akan meneruskan penyertaan dan pengekal makanan, pertanian, perikanan, perhutanan dan polisi pembangunan luar bandar dan melaksanakannya di kawasan yang berpotensi tinggi dan yang berpotensi rendah, yang mana memerlukan bekalan makanan yang mencukupi bagi isirumah, negara, rantau dan peringkat global, dan melawan serangga perosak dan kemarau, dengan mengambil kira pelbagai fungsi yang dimainkan oleh sektor pertanian.
- Kami akan berjuang untuk memastikan bahawa makanan, perdagangan pertanian dan polisi perdagangan keseluruhannya adalah bersesuaian bagi menggalakkan jaminan makanan untuk semua melalui satu sistem perdagangan yang berorientasikan pasaran dunia yang adil.
- Kami akan berusaha untuk menghalang dan bersedia menghadapi bencana alam dan

ERA Consumer Malaysia

kecemasan yang disebabkan oleh angkara manusia dan untuk memenuhi keperluan makanan yang terhad dan semasa kecemasan yang akan menggalakkan pemulihan, pembangunan dan suatu keupayaan bagi memenuhi keperluan di masa hadapan.

- Kami akan menggalakkan peruntukan optimum dan pelaburan awam dan swasta bagi meningkatkan sumber manusia, pengkalan makanan, pertanian, perikanan, sistem perhutanan, dan polisi pembangunan luar bandar dan melaksanakannya di kawasan yang berpotensi tinggi dan yang berpotensi rendah.
- Kami akan melaksanakan, mengawasi dan mengambil langkah susulan terhadap Pelan Tindakan ini di semua peringkat dengan kerjasama masyarakat antarabangsa

Kami menjamin tindakan dan sokongan kami untuk melaksanakan Pelan Tindakan Persidangan Kemuncak Makanan Sedunia.

Rome, 13 November 1996

Pelan Tindakan Persidangan Kemuncak Sedunia

1. Pelan tindakan yang dibuat semasa Deklarasi Rome mengenai pengawalan makanan dunia dan Persidangan Kemuncak Makanan Dunia telah merangka pelbagai tindakan untuk tujuan bersama – pengawalan makanan di peringkat individu, keluarga, negara, rantau dan global. Pengawalan makanan wujud untuk semua masyarakat pada setiap masa mempunyai kemampuan ekonomi dan fizikal yang mencukupi, makanan yang selamat dan berkhasiat untuk memenuhi keseimbangan makanan mereka dan keutamaan makanan untuk kehidupan yang sihat dan selamat. Dalam hal ini, satu tindakan bersama diperlukan pada semua peringkat. Setiap negara perlu merangka satu strategi yang konsisten dengan sumber dan keupayaannya untuk mencapai matlamat peribadi dan pada masa yang sama perlulah bersatu dan bekerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa untuk membentuk penyelesaian kolektif terhadap isu-isu global mengenai pengawalan makanan. Pertambahan institusi, masyarakat dan ekonomi yang berhubungkait memerlukan usaha dan tanggungjawab bersama.
2. Pembasmian kemiskinan adalah perlu untuk meningkatkan keupayaan supaya mendapatkan makanan. Kebanyakan mereka yang tidak berupaya mendapatkan makanan berkhasiat, samada tidak berupaya mengeluarkan atau membeli makanan yang secukupnya. Mereka tidak mempunyai saluran yang secukupnya untuk mendapatkan unsur-unsur pengeluaran seperti tanah, air, input, baka biji benih dan anak pokok yang bermutu, teknologi yang sesuai dan pinjaman pertanian. Tambahan pula peperangan, perang saudara, malapetaka semulajadi, perubahan ekologi yang berkaitan dengan pengaruh iklim dan pencemaran alam sekitar telah memberi kesan kepada berjuta-juta penduduk. Walaupun bantuan makanan mungkin diberikan untuk mengurangkan kesusahan tetapi ia bukanlah merupakan satu jalan penyelesaian jangka panjang terhadap punca yang menimbulkan masalah pengawalan makanan. Adalah penting untuk mengekalkan keupayaan yang secukupnya dalam membekalkan bantuan makanan terhadap masyarakat di peringkat antarabangsa apabila ia diperlukan, terutamanya sewaktu kecemasan. Pengawasan pembekalan makanan yang stabil dan saksama harus dipastikan.
3. Persekitaran yang aman dan stabil di setiap negara merupakan syarat asas untuk mencapai pengawalan makanan. Kerajaan bertanggungjawab untuk membentuk satu persekitaran yang membolehkan pihak persendirian dan kumpulan mengambil inisiatif meningkatkan kemahiran, usaha dan sumber, serta di dalam pelaburan tertentu terhadap matlamat umum makanan untuk semua. Ini perlu ditanggung bersama melalui kerjasama dan penglibatan semua ahli masyarakat. Petani, nelayan dan pegawai perhutanan serta pengeluar dan pembekal makanan, mempunyai peranan yang besar

dalam mencapai pengawalan makanan dan penglibatan mereka secara menyeluruh serta kebolehan mereka merupakan kunci kepada kejayaan.

4. Kemiskinan, kebuluran dan kekurangan zat makanan adalah antara faktor yang menggalakkan migrasi dari desa ke bandar di negara-negara membangun. Pada masa kini perpindahan penduduk secara besar-besaran sedang berlaku. Sekiranya masalah ini tidak dibangkitkan pada masa dan cara yang sesuai, keadaan politik, ekonomi dan kestabilan sosial dikebanyakan negara dan rantau mungkin terjejas dengan serius sehingga boleh menggugat keamanan dunia. Adalah perlu untuk mengenalpsti golongan dan kawasan yang ditimpa kebuluran dan kekurangan zat makanan serta punca dan tindakan yang segera perlu diambil untuk memperbaiki keadaan. Untuk menjayakan usaha ini, maklumat yang betul dan tepat di semua peringkat adalah diperlukan.
5. Perolehan makanan yang secukupnya untuk semua orang boleh dicapai. Seramai 5.8 billion penduduk dunia hari ini mempunyai, secara puratanya, 15 peratus lebih makanan setiap orang berbanding jumlah penduduk global seramai 4 billion orang 20 tahun yang lalu. Kini, pertambahan bekalan makanan dunia secara besar-besaran melalui pengekalan pengurusan sumber alam adalah perlu untuk menampung keperluan makanan penduduk yang semakin bertambah, dan mencapai pilihan makanan yang lebih baik. Pertambahan pengeluaran, termasuk pertanian tradisional, bersama makanan yang diimport, simpanan, dan perdagangan antarabangsa boleh mengukuhkan pangawalan makanan dan ini mendedahkan ketidakseimbangan serantau. Bantuan makanan merupakan salah satu cara yang boleh menggalakkan pengawalan makanan. Penglibatan jangka panjang adalah perlu di dalam penyelidikan dan penyenaiaan serta penjagaan sumber genetik terutamanya di peringkat kebangsaan. Hubungan antara bekalan makanan yang mencukupi dan pengawalan makanan isi rumah perlu diawasi.
6. Bencana alam dan ketidakstabilan bekalan makanan antara tahunan boleh dikurangkan. Perkembangan yang dilakukan harus memberi tumpuan untuk meminimakan kerosakan yang dibawa oleh ketidakseimbangan cuaca, serangga perosak dan penyakit. Pemindahan bekalan yang berkesan ke kawasan yang kekurangan bekalan dan penjagaan serta pengekalan penggunaan “biodiversity”, perlu dipraktikkan secara berkesan dalam sistem amaran cuaca, pemindahan dan penggunaan maksimum mekanisma pertanian, perikanan dan teknologi perhutanan, pengeluaran dan perdagangan, penyimpanan dan kewangan yang sesuai. Malapetaka yang disebabkan oleh manusia dan secara semula jadi boleh dijangka atau dihalang dan jika ini berlaku tindakan yang berkesan dan yang tepat pada masanya perlu diambil untuk memulihkan keadaan.

7. Jika pihak kerajaan tempatan dan masyarakat antarabangsa tidak mengemukakan pelbagai punca asas yang mengakibatkan masalah pengawalan makanan, tingkat kebuluran dan kekurangan zat makanan akan sentiasa berada pada tahap yang tinggi di negara-negara membangun terutamanya di bahagian selatan Sahara di Afrika, dan pengekalan pengawalan makanan tidak mungkin tercapai. Keadaan ini tidak dapat diterima. Plan tindakan ini membayangkan usaha yang berterusan untuk membasmi kemiskinan di semua negara, dengan usaha segera untuk mengurangkan jumlah orang yang kekurangan zat makanan kepada separuh daripada tahap semasa sebelum tahun 2015, dan kajian separuh penggal perlu untuk memastikan sama ada ia boleh dicapai sebelum tahun 2010.
8. Sumber yang diperlukan untuk pelaburan akan dijanakan daripada sumber tempatan, persendirian dan umum. Masyarakat antarabangsa mempunyai peranan penting dalam membantu menerima polisi kebangsaan yang sesuai dan yang perlu dalam memberikan bantuan teknikal dan kewangan untuk membolehkan negara membangun dan negara-negara yang ekonominya dalam peralihan bagi menggalakkan pengawalan makanan.
9. Langkah-langkah susulan terhadap Persidangan Kemuncak Makanan Sedunia, mengambil kira tindakan di peringkat kebangsaan, antara kerajaan dan antara agensi. Masyarakat antarabangsa, dan sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), termasuk FAO dan juga agensi-agensi serta badan-badan lain yang menurut mandat masing-masing mempunyai sumbangan yang penting terhadap pelaksanaan Plan Tindakan Persidangan Kemuncak Makanan Sedunia. Jawatankuasa FAO yang terlibat dalam Pengawalan Makanan Sedunia akan mempunyai tanggungjawab untuk mengawasi pelaksanaan Plan Tindakan ini.
10. Mencapai pengekalan pengawalan makanan sedunia adalah sebahagian daripada usaha mencapai objektif sosial, ekonomi, persekitaran dan pembangunan manusia yang dipersetujui dalam persidangan antarabangsa baru-baru ini. Plan Tindakan Pengawalan Makanan Sedunia membina kesedaran yang dicapai di persidangan ini dan ia berdasarkan keyakinan bahawa dunia berhadapan dengan masalah besar pengawalan makanan, jalan penyelesaian bagi masalah ini tetap wujud. Jika semua pihak di peringkat tempatan, kebangsaan, rantau dan antarabangsa membuat penentuan dan usaha yang berterusan, maka matlamat keseluruhan makanan untuk semua, pada setiap masa, akan dapat dicapai.
11. Plan Tindakan Persidangan Kemuncak Makanan Sedunia merupakan penyesuaian terhadap tujuan dan prinsip Piagam PBB dan undang-undang, perjuangan antarabangsa untuk mengukuhkan keputusan yang diambil di dalam persidangan PBB semenjak 1990 yang berkaitan dengan pengawalan makanan.

12. Pelaksanaan cadangan yang terkandung di dalam Plan Tindakan ini merupakan kedaulatan dan tanggungjawab setiap negara melalui undang-undang kebangsaan dan pembentukan strategi, polisi-polisi, program-program serta keutamaan pembangunan, yang bersesuaian dengan semua hak manusia dan kebebasan asasi termasuk hak untuk pembangunan, serta kehormatan kepada pelbagai nilai agama dan nilai etika, latar belakang budaya dan keyakinan falsafah individu dan masyarakat. Mereka harus menyumbang untuk menikmati hak asasi mereka dalam mencapai objektif pengawalan makanan untuk semua.

Latarbelakang ERA Consumer

Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna-Pengguna Malaysia (ERA Consumer Malaysia) adalah sebuah organisasi sukarela, bersifat bukan politik yang ditubuhkan di Ipoh, Perak pada tahun 1985. ERA Consumer Malaysia adalah sebuah organisasi kebangsaan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Malaysia 1966. Ia ditubuhkan untuk mempromosikan dan menjalankan aktiviti-aktiviti kritikal yang berkaitan dengan masyarakat awam.

ERA Consumer merupakan sebuah institusi dinamik yang sering memberikan respon dan memperkembangkan perkhidmatannya mengikut kehendak dan permintaan masyarakat. ERA Consumer Malaysia mempunyai visi untuk mewujudkan sebuah organisasi untuk masyarakat yang mampu berdikari dan membuat keputusan sendiri dengan melibatkan diri secara aktif dalam melindungi kepentingan pengguna sebagaimana mereka melindungi diri sendiri, di samping mengamalkan corak hidup dan penggunaan yang lestari dan bertindak secara adil dalam mengawal proses pentadbiran.

Ia juga berperanan dalam memberi kesedaran kepada orang ramai dalam isu-isu yang menekan kehidupan mereka melalui penyelidikan dan program pendidikan. ERA Consumer terlibat dalam membina perpaduan dan persefahaman dengan badan-badan bukan kerajaan lain di Malaysia; mengeratkan hubungan Selatan-Selatan dan persefahaman Utara-Selatan. Komponen dan program utama ERA Consumer adalah penyelidikan, pendidikan dan perlindungan pengguna, pentadbiran bertanggungjawab dan pendidikan hak-hak asasi manusia serta pertanian mampan, jaminan makanan dan pembangunan pedalaman.

Diterbitkan oleh:

**PERSATUAN PENDIDIKAN DAN
PENYELIDIKAN UNTUK
PENGGUNA-PENGGUNA MALAYSIA
(ERA CONSUMER MALAYSIA)**

No 24, Jalan SS1/22A

47300 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel (603) 7877 4741, 7876 4648

Faks (603) 7873 0636

Emel eracons@po.jaring.my

Laman Web www.eraconsumer.org

ISBN : 983-2518-21-0

Cetakan : Jun 2003

Dicetak Oleh : Syarikat Asas Jaya

ISBN 983-2518-21-0



9 789832 518211